



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMANDU PELANCONG ALAM SEMULAJADI SETEMPAT (TAHAP 2)

#### 1. SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dan mengemukakan salinan dokumen sokongan ke Ibu Pejabat ataupun Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri yang berdekatan.
- b) **Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tempoh sah laku lesen berakhir.**
- c) Pemandu Pelancong Bandar perlu menghadiri sekurangnya dua (2) kursus *Continuing Tourism Related Education* (CTRE) yang dikendalikan oleh mana-mana entity/organisasi yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan atau menghadiri program anjuran MOTAC yang diperakukan sebagai CTRE oleh Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.
- d) Pemandu Pelancong perlu menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.
- e) Pemandu Pelancong hendaklah mengembalikan lesen yang telah tamat tempoh semasa **tuntutan lesen baharu dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh luput lesen terdahulu.**
- f) Tempoh lesen yang diperbaharui adalah bagi tempoh 1 hingga 3 tahun.
- g) **Pemohon perlu menyelesaikan urusan serahan, bayaran dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman kelulusan lesen. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dibuat.**

## **2. DOKUMEN SOKONGAN:**

- a) **Satu (1) keping gambar berwarna berukuran pasport yang terkini.**
- b) **Sijil Kursus CTRE yang perlu dikemukakan.**

| <b>TEMPOH PEMBAHARUAN<br/>LESEN</b> | <b>BILANGAN CTRE YANG<br/>PERLU DIHADIRI</b> |
|-------------------------------------|--|
| 1 Tahun                             | 2 modul                                      |
| 2 Tahun                             | 4 modul                                      |
| 3 Tahun                             | 6 modul                                      |

**Nota:**

- i. **Sijil CTRE yang dikemukakan adalah yang terkini atau tidak melebihi tempoh 2 tahun daripada tarikh sijil CTRE; dan**
- ii. **Sijil CTRE yang dikemukakan hendaklah mempunyai tajuk dan kod berbeza yang telah mendapat kelulusan MOTAC.**

## **7. FI YANG PERLU DIBAYAR**

- a) **Fi pemprosesan sebanyak RM5.00 dikenakan bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)); dan**
- b) **Fi lesen sebanyak RM50.00 (setahun) hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)).**

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan

## **8. PIAGAM KELULUSAN**

**3 hari bekerja** apabila bayaran fi pemprosesan telah dibayara dan permohonan lengkap, teratur serta sempurna diterima daripada pemohon melalui SPIP kepada Pejabat MOTAC Negeri ataupun Ibu Pejabat.

## **9. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Jun 2021**.